

→ KESIHATAN

Info

Virus Rotavirus

→ **Rotavirus** berasal daripada perkataan Latin iaitu 'rota' yang bermaksud roda.

→ **Dinamakan** rotavirus kerana bentuknya seperti roda

→ **Boleh** menyebabkan jangkitan cirit-birit yang serius dalam kalangan kanak-kanak

→ **Ditemui** kali pertama di Australia pada 1973.

→ **Penyebab** jangkitan usus

→ **Virus** berpunca dari najis

→ **Kekal** aktif pada tangan manusia untuk tempoh empat jam

→ **Mampu** bertahan 10 hari di permukaan kering dan seminggu di permukaan basah

→ **Boleh** 'hidup' pada objek seperti mainan bayi dan mudah merebak di rumah atau pusat penjagaan kanak-kanak

→ **Mudah** merebak dan berjangkit.

→ **Mampu** merebak menerusi tangan yang tidak bersih dan dijangkiti, barang permainan atau permukaan

Reaksi



Keputusan ujian sampel air belum diperoleh, namun berdasarkan sejarah dan siasatan teliti di lapangan, kita kenal pasti episod ini (jangkitan rotavirus) berkemungkinan besar (berpunca) dari sini Taman Tema Bukit Merah”

Dr B Venugopalan,
Timbalan Pengarah Kesihatan negeri
(Kesihatan Awam)



Keputusan ujian sampel air belum diperoleh, namun berdasarkan




Kedua-duanya dilaporkan stabil tetapi kami belum

memperoleh maklumat lengkap mangsa dan tarikh mula mendapat gejala cirit-birit dan muntah,”

Dr Norhizan Ismail,
Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah

30 kes rotavirus di Perak, Kedah, Pulau Pinang

- **Symptom** jangkitan rotavirus
- Muntah
 - Cirit-birit
 - Demam berpanjangan
 - Tekanan darah dalam badan menurun.
 - Mulut dan lidah kering
 - Dehidrasi
 - Mata dan pipi cengkung
- **Langkah** pencegahan
- Sentiasa basuh tangan sebelum menyentuh makanan.
 - Masak air sehingga mendidih terlebih dulu sebelum diminum.
 - Elak berkongsi makanan dengan pesakit
 - Memasak air walaupun menggunakan penapis air kerana rotavirus boleh melepasi tapisan.
- **Mengurangkan** risiko cirit-birit
- Berikan susu ibu.
 - Steril peralatan penyusuan.
 - Basmi kuman setiap alat permainan bayi.
 - Kerap mencuci tangan.
 - Lebih berhati-hati apabila menyediakan makanan.
 - Jangan simpan makanan dimasak dalam peti sejuk lebih daripada dua hari.
 - Dapatkan vaksin pencegahan



→ Bahagian aktiviti air Taman Tema Bukit Merah masih ditutup

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Jabatan Kesihatan Perak mengesahkan sebanyak 30 kes jangkitan rotavirus dilaporkan membabitkan kanak-kanak selepas mandi di taman tema Bukit Merah Laketown Resort (BMLR), Taiping.

Perak adalah negeri terbaru dikesan berlaku jangkitan itu yang membabitkan 16 kes, manakala Kedah dan Pulau Pinang, masing-masing 11 dan tiga kes.

Uji sampel air

Timbalan Pengarah Kesihatan negeri (Kesihatan Awam), Dr B Venugopalan, berkata sebanyak 26 daripada 30 kes itu membabitkan kanak-kanak berusia kurang 10 tahun.

Katanya, semua pesakit berusia lingkungan lapan bulan hingga 53 tahun dalam keadaan stabil.

“Keputusan ujian sampel air

belum diperoleh, namun berdasarkan sejarah dan siasatan teliti di lapangan, kita kenal pasti episod ini (jangkitan rotavirus) berkemungkinan besar (berpunca) dari sini (BMLR),” katanya ketika dihubungi, semalam.

Sampel air berkenaan dianalisis di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Sungai Buloh, Selangor. Persampelan air juga dijalankan oleh Unit Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kerian.

Venugopalan berkata, ruangnya aktiviti air di BMLR masih

ditutup dan proses pembersihan bermula semalam dan mengambil masa beberapa hari, bergantung kepada proses yang diperlukan.

Kes babit kanak-kanak

Sementara itu, Pengurus Besar BMLR, Kamal Huessein, berkata hanya taman tema air BMLR yang ditutup, manakala komponen lain seperti Ecopark, Laketown Adventure Park, Orang Utan Island, Sky Cycle, Hotel Laketown, penginapan Kampung Air serta aktiviti tasik seperti kayak beroperasi seperti biasa.

Di Alor Setar, Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail, berkata dua kes baharu yang dilaporkan di negeri itu membabitkan kanak-kanak.

Katanya, pihaknya menerima laporan kemasukan seorang kanak-kanak ke Hospital Sultan Abdul Halim Sungai Petani, manakala seorang lagi di hospital swasta.

“Kedua-duanya dilaporkan stabil tetapi kami belum memperoleh maklumat lengkap mangsa dan tarikh mula mendapat gejala cirit-birit dan muntah,” katanya.



Keratan akhbar BH semalam.